

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XII)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

11. Sila jelaskan berkaitan perancangan pembinaan pasar awam baru di Sungai Dua dan bila akan dilaksanakan?
- (a) Bilakah cadangan penyusunan semula dan naik taraf gerai-gerai di kawasan Simpang Tiga Maklom? Sila jelaskan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Buat masa kini, pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mempunyai perancangan bagi pembinaan pasar awam baharu di Sungai Dua. Walau bagaimanapun, MBSP telah menyediakan rancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi menaik taraf Pasar Awam Sungai Dua. Perancangan jangka pendek dan jangka panjang tersebut melibatkan skop kerja seperti berikut:

<b>Perkara / Cadangan naik taraf</b>	<b>Jangka masa pendek</b>	<b>Jangka masa panjang</b>
<b>Skop</b>	1. Membina struktur petak penjaja tambahan 2. Menaik taraf setor dan surau	1. Menaik taraf keseluruhan pasar awam dan kompleks makanan termasuk penambahan petak penjaja

	3. Melukis petak tempat letak kereta OKU	dan naik taraf infrastruktur
<b>Kos (RM)</b>	247,000.00	7,000,000.00
<b>Status</b>	Tender dijadual iklan pada Mei 2020	Permohonan peruntukan telah dimasukkan di dalam senarai projek fizikal Rancangan Malaysia ke-12 MBSP dan telah dikemukakan kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) untuk diselaraskan kepada Kementerian Hal Ehwal ekonomi pada 29 Januari 2020
<b>Jangkaan pelaksanaan</b>	September 2020	Setelah peruntukan diluluskan dan reka bentuk dipersetujui

- (a) Cadangan penyusunan semula dan naik taraf gerai-gerai di kawasan Simpang Tiga Maklom sedang dalam perhatian dan tindakan MBSP. Pihak MBSP telah menjalankan kaji selidik cadangan penyusunan semula dan naik taraf gerai-gerai di kawasan Simpang Tiga Maklom bersama pihak peniaga. Hasil kajian mendapati bahawa para peniaga bersetuju untuk meneruskan cadangan pemindahan ke lokasi baharu yang berdekatan dengan lokasi sedia ada. Kajian yang dijalankan juga mengenalpasti isu-isu berbangkit yang lain seperti status guna tanah tapak dan penyediaan infrastruktur di tapak bagi kemudahan peniaga. Oleh itu, pelaksanaan cadangan penyusunan semula dan naik taraf gerai-gerai di kawasan Simpang Tiga Maklom di tapak hanya akan dimulakan setelah isu-isu tanah dan aspek-aspek teknikal lain diselesaikan.